# Prosiding SEMINAR HASIL PENYELIDIKAN

2003

## Proceedings of the RESEARCH SEMINAR

## الأوراق البحثية لمؤتمر نتائج البحوث العلمية في كويم لعام ٢٠٠٣م

KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Pendidikan Islam
Research - The Catalyst for Excellence in Islamic Education
البحث العلمى معزز التربية الإسلامية المتفوقة

Anjuran / Organised by / تنسيق
Kolej Universiti Islam Malaysia

SUMBANGAN

KUIM 2003

# Prosiding SEMINAR HASIL PENYELIDIKAN

## Proceedings of the RESEARCH SEMINAR

الأوراق البحثية لمؤتمر
نتائج البحوث العلمية
في كويم لعام ٢٠٠٣م

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Pendidikan Islam
Research - The Catalyst for Excellence in Islamic Education
البحث العلمى معزز التربية الإسلامية المتفوقة

SEMINAR HASIL PENYELIDIKAN KUIM 2003
RESEARCH SEMINAR KUIM 2003
مؤتمر نتائج البحوث العلمية في كويم لعام ٢٠٠٣م

20 Oktober 2003

Perpustakaan KUIM
Unit Arkib

Diterbitkan oleh / *Published by*/ الناشر
Kolej Universiti Islam Malaysia
*Islamic University College of Malaysia*
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

Semua hak terpelihara. Hakcipta © Kolej Universiti Islam Malaysia 2003.
Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk eletronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Penerbit.

*All rights reserved. Copyright © Islamic University College of Malaysia 2003.*
*No parts of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means, or stored in a database or retrieval system, without the prior written permission of the Publisher.*

لا يسمح بإعادة طبع أو تصوير كل أي جزء من هذا الكتاب, باي شكل من الأشكال الالكترونية, أو الآلية بما في ذلك التصوير, أو النسخ, أو التسجيل الصوتي, أو التخزين الالكتروني إلا بموافقة خطية مسبقة من المؤلف.

Perpustakaan Negara Malaysia
*National Library of Malaysia*
مكتبة ماليزيا الوطنية

Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003
*Proceedings of the Research Seminar KUIM 2003*
الأوراق البحثية لمؤتمر نتائج البحوث العلمية في كويم لعام ٢٠٠٣

Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Pendidikan Islam
Research – The Catalyst For Excellence in Islamic Education
البحث العلمي معزز التربية الإسلامية المتفوقة

20 Oktober 2003/ ٢٠ أكتوبر ٢٠٠٣

ISBN 983 - 2950 - 06 - 6

Rekabentuk oleh / *Designed by* / تصميم
I.V.A Communications Sdn Bhd

## SIDANG EDITOR

*Editorial Board*

هيئة التحرير

Sapora Sipon
Ketua/Editor in chief/ رئيسة التحرير
Jalani Sukaimi
Syamsul Bahari Andi Galigo
Abdul Rahim Arsyad
Karim Abdullah @ Leslie Terebessy
Asma Abdul Rahman

Segala cetusan idea, pandangan dan isu-isu yang dimaklumkan oleh para penulis dalam prosiding ini adalah pendapat penulis sendiri. Panel penyunting dan penerbit KUIM tidak boleh dipertanggungjawabkan dengan idea-idea tersebut.

*Views expressed are solely those of the authors and do not necessarily reflect the views of the editors or the Publisher.*

المقالات المنشورة على صفحات هذا الكتاب لا تعبر بالضرورة عن إدارة التحرير أو هيئة التحرير أو الهيئات ذات الارتباط وإنما عن آراء المؤلف.

# KANDUNGAN

## *Contents*

## المحتويات

Kata Alu-aluan Rektor — viii
Foreword by the Rector
كلمة ترحيبية من مدير الجامعة

Kata Alu-aluan Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) — x
Foreword By The Deputy Rector (Academic and Research)
كلمة ترحيبية من نائب المدير لشؤون الأكاديمية والبحوث العلمية

Dari Meja Pengerusi Seminar — xii
From The Chairman's Desk
من مكتب رئيس المؤتمر

Dari Meja Sidang Editor — xv
From The Editorial Desk
من مكتب هيئة التحرير

Jawatankuasa Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003 — xvii
Research Seminar KUIM 2003 Committee
الهيئة التنفيذية لمؤتمر نتائج البحوث العلمية في كويم لعام ٢٠٠٣م

Jadual Sesi Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003 — xix
Research Seminar KUIM 2003 Session Time-table
جدول الجلسات

## UNDANG-UNDANG /LAW/ القانون

Online Contracts & The Concept Of Caveat Emptor: A Comparative Study Based On Malaysian Contracts Law And Islamic Contract Law 1
*Syahirah Abdul Shukor, Abidah Abdul Ghafar, Dina Imam Supaat, Farah Salwani binti Muda @ Ismail dan Sheikh Salim bin Sheikh Salleh*

Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie Di Malaysia 15
*Sheikh Salim Sheikh Salleh, Syahirah Abdul Shukor, Dina Iman Supaat dan Abidah Abdul Ghafar*

## EKONOMI/ECONOMICS/ الإقتصاد

Kajian Skim Cepat Kaya Di Semenanjung Malaysia: Dapatan Awal 45
*Muhamad Muda,Mohd Yunus Abdul Aziz dan Muhammad Haizuan Rozali*

## PENGAJIAN DAKWAH DAN HADITH
## DAKWAH AND HADITH STUDIES
## دراسة الدعوة والحديث

Dakwah Pada Masyarakat Cina: Kajian Perbandingan Di Antara Darul Fitrah Di Malaysia, Darul Arqam Di Singapura Dan Yayasan Karim Oei Di Indonesia 69
*Mohamed Asin Dollah, Syamsul Bahri Andi Galigo dan Muhammad Yusuf Khalid*

Hadith Mawdu'- Implikasi Dalam Kehidupan Masyarakat Malaysia:Tumpuan Kajian Di Lembah Kelang 87
*Mohd Fauzi Mohd Amin, Mohd Radhi Ibrahim dan Affaf Abul Ghafoor Hameed*

## PENGAJIAN BAHASA
## LANGUAGE STUDIES
## الدراسات اللغوية

The Usage Of English Language At KUIM 109
*Hazleena Baharun, Tun Nur Afizah Zainal Ariff, Queshaira Zainuddin, Rozlina Mohd Ramli, Suhaili Abdul Jalil and Abdul Aziz Mohd*

Kajian Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran Di Semenanjung Malaysia 121
*Mohd Alwi Yusoff, Adel M. Abdulaziz dan Ahmad Kamel Mohamed*

Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia: Permasalahan Dan Cara Mengatasinya 145
*Ismail Abdullah, Mohd Alwi Yusoff dan Muhamad Muda*

Pengajian Ilmu Islam Dalam Bahasa Arab Di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi Di Malaysia: Kajian Analisis Dan Perbandingan 179
*Md Yunus Abd Aziz dan Mohd Khair Hasb Al-Rasoul Ahmed*

١١ موضوع البحث : 203
تحليل وتقويم تعليم اللغة العربية كلغة ثانية في الجامعات العربية
( جامعة أمّ القرى بمكة المكرمة – جامعة الإمام محمد الخامس بالرّباط – الجامعة الأردنية بعمّان )
*Asma Abdul Rahman, Zainur Rijal Abdul Razak dan Nor Abdul Rahman*

Senarai Penyumbang 220
List of Contributors
قائمة المساهمين

## KATA ALU-ALUAN REKTOR

*Foreword by the Rector*

كلمة ترحيبية من مدير الجامعة



*Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih serta syabas kepada pihak sidang penyunting di atas kejayaan menghasilkan prosiding Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003.

Prosiding ini merupakan koleksi sepuluh hasil penyelidikan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang mencakupi pelbagai tema dan aspek khususnya dalam bidang pengajian Islam. Prosiding ini juga melambangkan usaha yang berterusan dan bersungguh-sungguh diambil oleh para penyelidik KUIM bagi menjadikan penyelidikan sebagai satu amalan murni dalam profesion mereka.

Usaha ini selari dengan matlamat KUIM bagi menjadikan penyelidikan sebagai satu wadah dalam meneruskan kecemerlangan pembinaan ilmu. Usaha ini juga bertepatan dengan hasrat KUIM untuk melahirkan penyelidik yang mampu menangani isu-isu semasa terutamanya dalam bidang Pengajian Islam. Saya berasa amat yakin dengan tindakbalas dan interaksi para pembaca mengenai penulisan-penulisan dalam terbitan ini akan dapat mencetuskan banyak lagi perbincangan yang hebat di mana ianya akan menyumbang kepada dunia penyelidikan dan amalan Pengajian Islam sejagat.

Saya sangat berharap terbitan prosiding ini memastikan hasil dan idea yang dibentangkan sepanjang seminar berkenaan dapat dijadikan bahan rujukan para penyelidik dan pengamal Pengajian Islam. Semoga prosiding ini dapat membantu dalam membincangkan dan menghayati persoalan-persoalan yang berkait rapat dengan Pengajian Islam kepada ahli-ahli akademik khasnya, dan masyarakat amnya.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi taufik walhidayah wassalammualikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"**

**PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR BIN HAJI HUSIN**

# KATA ALU-ALUAN TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN)

## *Foreword by the Deputy Rector (Academic and Research)*

## كلمة ترحيبية من نائب المدير لشؤون الاكاديمية و البحوث العلمية



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada Sidang Penyunting di atas kejayaan cemerlang dalam menerbitkan Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003. Saya melihat usaha ini bertepatan dengan matlamat Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang ingin menjadikan penyelidikan sebagai salah satu wadah untuk memertabatkan KUIM di arena pendidikan. Sebagai sebuah universiti, sememangnya sudah menjadi hasrat KUIM untuk turut sama-sama berjuang dalam memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan melalui penyelidikan yang bermutu. Bersesuaian dengan tema seminar iaitu **"Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Pendidikan Islam"**, adalah menjadi fokus KUIM untuk mewujudkan budaya penyelidikan yang bermatlamatkan kecemerlangan dari pelbagai aspek terutama sekali yang meliputi bidang Pengajian Islam.

Prosiding ini adalah himpunan sepuluh kertas kerja hasil dari penyelidikan KUIM yang meliputi pelbagai tema seperti Pendidikan Islam, Ekonomi Islam, Dakwah, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Sistem Kehakiman dan beberapa tema lain yang berhubung kait dengan Pengajian Islam.

Kepelbagaian tema ini jelas menunjukkan usaha bersungguh-sungguh KUIM dalam memertabatkan penyelidikan untuk menjadikan Pengajian Islam sebagai satu ilmu yang dihormati dan cemerlang. Usaha ini juga selari dengan usaha KUIM untuk melahirkan para penyelidik yang berkeupayaan dan berkebolehan untuk menangani isu-isu yang memerlukan penyelesaian terutama sekali dalam bidang Pengajian Islam.

Saya berdoa agar usaha murni menerbitkan prosiding ini akan membuahkan hasil yang bermutu dan boleh dijadikan bahan rujukan para penyelidik dan pengamal Pengajian Islam. Semoga prosiding ini juga akan menjadi wadah dalam perbincangan dan penghayatan persoalan-persoalan yang berkait rapat dengan Pengajian Islam.

*Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.

"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"

**PROF. DATO' DR. ABDULLAH MUHAMMAD ZIN**

# DARI MEJA PENGERUSI SEMINAR

## *From The Chairman's Desk*

## من مكتب رئيس المؤتمر



Assalamualaikum Wr.Wb.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucap syukur Al-Hamdulillah kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003 ini dapat diadakan. Seminar seumpama ini adalah kali pertama diadakan oleh KUIM untuk membolehkan para penyelidiknya membentangkan dapatan kajian dan hasil penyelidikan mereka kepada umum.

Aktiviti penyelidikan di Universiti ini bermula secara rasminya pada akhir tahun 2001 apabila pihak Universiti menubuhkan dua peringkat jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Universiti dan Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti-Fakulti. Antara fungsi utama Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti-Fakulti ialah mempertimbangkan dan memperakukan semua cadangan penyelidikan yang dikemukakan oleh kakitangan akademik dari semua fakulti termasuk dari Unit Bahasa Inggeris dan Unit Bahasa Arab. Manakala Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Universiti pula berfungsi untuk menimbangkan dan memberi kelulusan kepada permohonan-permohonan yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti-Fakulti. Bagi memperkemaskan lagi pengurusan penyelidikan, pihak Universiti telah bersetuju menubuhkan sebuah pusat khusus bagi menguruskan hal ehwal penyelidikan. Pusat tersebut dikenali dengan nama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) dan akan beroperasi tidak lama lagi. Dengan penubuhan PPPP ini diharap pengurusan aktiviti penyelidikan di Universiti ini akan berjalan secara lebih berkesan lagi dan ini membolehkan para penyelidik KUIM menjalankan penyelidikan dengan lebih selesa.

Sehingga kini, terdapat 32 projek penyelidikan yang dijalankan oleh tenaga akademik KUIM. Dari jumlah tersebut, 10 projek dari kumpulan pertama, iaitu yang memulakan penyelidikan mereka pada akhir tahun 2001, di mana kesemuanya telah siap. Sebanyak 22 projek lagi sedang berjalan dan sebahagian besarnya sedang berada di peringkat akhir.

Semua projek penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik KUIM sehingga kini ialah berbentuk penyelidikan asas dan berjangka pendek. Ini kerana sebilangan besar daripada kakitangan akademik KUIM adalah masih baru dalam dunia akademik. Namun demikian, terdapat beberapa orang tenaga akademik berpengalaman yang terlibat dengan projek penyelidikan seperti IRPA sebelum mereka menyambung perkhidmatan dengan Universiti ini. Diharap dalam tempoh terdekat, para penyelidik KUIM akan turut melibatkan diri secara langsung dengan projek penyelidikan yang lebih besar seperti IRPA dan projek-projek penyelidikan tajaan dari pihak luar. Hal ini akan mudah dicapai apabila KUIM mempunyai tenaga akademik dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi serta perubatan pada masa depan.

Tujahan penyelidikan KUIM setakat ini terfokus kepada bidang kepakaran tenaga akademik dari empat buah fakulti dan tiga unit sedia ada. Di samping meneroka pelbagai ceruk dalam bidang Pengajian Islam, para penyelidik KUIM juga meneroka ceruk-ceruk lain dalam bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial seperti bahasa, komunikasi, teknologi maklumat, kaunseling, ekonomi, muamalat, kepimpinan, pengurusan dan undang-undang. Ceruk penyelidikan KUIM akan bertambah selaras dengan pertambahan tenaga akademik dari pelbagai bidang pengajian dari semasa ke semasa.

Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan ilmu pengetahuan bergantung kepada hasil penyelidikan. Sebagai sebuah Universiti, KUIM berhasrat untuk turut sama memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan menerusi aktiviti penyelidikan. Walaupun sehingga kini penemuan dan hasil penyelidikan KUIM belum berbentuk penciptaan alat, jentera, mesin dan teknologi baru, namun hasil penyelidikan yang ada ini boleh dimanfaatkan

oleh pihak-pihak berkenaan dalam merangka polisi dan dasar tertentu yang ada hubungan dengan kehidupan manusia di alam ini. Segala cadangan dan dapatan kajian mungkin boleh membantu pihak kerajaan atau swasta untuk merangka dasar serta prosedur pengurusan Negara yang lebih baik.

Dengan adanya Seminar seumpama ini, semua dapatan kajian serta hasil penyelidikan dari penyelidik KUIM dapat dimaklumkan kepada umum. Selain daripada dapat membentangkan kertas hasil penyelidikan, para penyelidik juga boleh menerbitkan kertas hasil penyelidikan mereka dalam prosiding dan sebagainya. Oleh itu, Seminar seumpama ini wajar diteruskan oleh KUIM dan ia mungkin boleh dijadikan satu acara tahunan Universiti. Mudah-mudahan aktiviti Seminar Hasil Penyelidikan seperti ini akan menjadi aktiviti kecemerlangan KUIM yang dibanggakan.

Sekian, terima kasih.

**PROF. DR.MOHAMED ASIN DOLLAH**
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003

# DARI MEJA SIDANG EDITOR

## *From The Editorial Desk*

## من مكتب هيئة التحرير



Assalamualaikum dan salam sejahtera dari kami sidang penyunting. Setinggi syukur ke hadrat Illahi kerana dengan keizinan dariNya, Prosiding Hasil Penyelidikan KUIM 2003 ini dapat diterbitkan.

Melalui ruang ini, saya selaku ketua penyunting bagi pihak seluruh Ahli Jawatankuasa Prosiding ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin di atas sokongan dan dorongan untuk menjalankan penyelidikan kepada warga KUIM sehingga membolehkan hasil dapatan diterbitkan dalam bentuk prosiding. Sesungguhnya penghasilan prosiding ini menjadi salah satu mercu kecemerlangan KUIM dalam bidang penyelidikan dan Pengajian Islam di negara ini. Terima kasih juga tidak dilupakan kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin, Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) yang telah memberikan galakan dan sokongan atas penerbitan prosiding ini.

Pihak penyunting juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah, Pengerusi Seminar di atas sokongan dan bantuan beliau sehingga prosiding ini berjaya diterbitkan sempena Seminar Hasil Penyelidikan KUIM 2003.

Akhirkata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa prosiding di

atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan di dalam menjayakan penerbitan ini. Diharapkan prosiding ini turut memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada kecemerlangan pendidikan Islam selari dengan moto seminar iaitu **Penyelidikan Pemangkin Kecemerlangan Pendidikan Islam.**

Sekian, wassalam.

**SAPORA SIPON**
Ketua Editor

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Tingkat 15, Menara A, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
Tel: 603 - 4289 2000
Faks: 603 - 4280 1014, 603 - 4289 2153
Laman Web: www.kuim.edu.my

ISBN 983-2950-06-6
9 789832 950066